

From: Hal Ehwal Pelajar
Sent: Wednesday, February 19, 2020 2:48 PM
To: UUM - All Students; UUM - All Staff
Cc: Roslee bin Mardan; Huzaidy bin Hussain; Mohd Farizal Bin Rahim
Subject: BADAN PELAJAR PERLU BIJAK RANCANG DAN LAKSANA AKTIVITI BERIMPAK TINGGI



BADAN PELAJAR PERLU BIJAK RANCANG DAN LAKSANA AKTIVITI BERIMPAK TINGGI

Oleh: Roslee Mardan

Foto: Mohd. Farizal Rahim & Kasyful Azim

Perjumpaan Pemimpin Pelajar Bersama Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (TNC HEPA) yang berlangsung di Dewan Konvensyen A, Pusat Konvensyen menghimpunkan hampir 250 pemimpin badan pelajar. Perjumpaan yang diadakan buat julung kali itu bertujuan untuk memantapkan kefahaman pemimpin pelajar mengenai pengurusan organisasi kelab dan persatuan masing-masing. Selain itu juga, peluang berdialog bersama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) memberi ruang kepada pemimpin badan pelajar untuk memahami wawasan baharu yang telah digariskan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar.

Dalam sesi taklimat beliau, Profesor Madya Dr. Hendrik Lamsali (TNC HEPA) berkata pemimpin pelajar harus komited dalam menguruskan organisasi masing-masing. Katanya, dalam persediaan pelajar ke arah Student Union keterlibatan dalam aktiviti badan pelajar sangat penting kerana ia menjadi ruang pelajar merancang dan membuat keputusan. Oleh demikian, salah satu fokus HEPA kini adalah student empowerment melalui perwujudan Parlimen Mahasiswa dan Student Union pada masa akan datang.

Beliau juga turut menyarankan bahawa pemimpin badan pelajar perlu bijak dalam melaksanakan aktiviti terutama berhadapan dengan limitasi kewangan. Ujar Dr. Hendrik, bagi penjimatan kewangan, badan pelajar boleh mengadakan joint venture sesama mereka dengan cara penawaran kepakaran dan kewangan.

“Anda harus bijak merancang kerjasama strategik di kalangan anda sendiri (badan pelajar). Jika sesuatu kelab itu mempunyai kepakaran tertentu, laksanakan program dengan kelab lain yang mempunyai keupayaan kewangan”.

Dalam sesi taklimat beliau itu juga, Dr. Hendrik turut menekankan bahawa aktiviti yang dilaksanakan perlulah berimpak tinggi dan hendaklah dirancang dengan bijak. Tegasnya;

“Aktiviti yang anda (pemimpin pelajar) laksanakan hendaklah berimpak tinggi yang memberi manfaat besar. Perlu ada kreativiti dan anda perlu berfikir lebih jauh supaya aktiviti yang ingin dilaksanakan berskala besar, bukan lagi biasa-biasa”.

Selain itu beliau turut menekankan kepentingan pelajar untuk mengikuti prosedur (SOP), peraturan dan protokol dalam melaksanakan program. Beliau menzahirkan kebimbangan mengenai isu-isu ketidakakuran SOP yang ditetapkan oleh universiti ketika badan pelajar melaksanakan program.

Pada sesi soal jawab beliau ditanya sama ada persatuan-persatuan antarabangsa boleh mendapatkan cara permohonan sumbangan kewangan, Dr. Hendrik berkata, badan-badan pelajar bersifat antarabangsa perlu berkongsi idea dengan badan pelajar yang lain. Malah menurut beliau, terdapat syarikat-syarikat multinasional yang boleh dijadikan sumber sumbangan penajaan aktiviti.

“Kelab persatuan anatarabangsa perlu sentiasa mendapatkan perkongsian idea daripada badan pelajar yang lain mengenai cara mendapatkan penajaan. Dalam pada itu, bagi badan pelajar tempatan hendaklah mewujudkan kolaborasi aktiviti bersama. Sebarang hebahan disarankan dibuat dalam dwi bahasa”.

Turut hadir dalam majlis perjumpaan tersebut ialah Dekan Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Dr. Massudi Mahmuddin serta semua pegawai dan kakitangan Bahagian Pembangunan Pelajar, JHEP.

Sekian.

Unit Komunikasi & Latihan
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, 06010 UUM SINTOK, KEDAH DARUL AMAN, MALAYSIA

www.hep.uum.edu.my
hep@uum.edu.my
<http://www.facebook.com/hep.uum>

 Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM

and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.